

12/08/1998

Ekspo Papita, MPSJ dapat sambutan

EKSP0 anjuran bersama Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Penggubah Lagu Tanah Air (Papita) dan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 1998 di Jalan Ikhlas USJ 10/1, Subang Jaya, yang dibuka kepada umum petang semalam mendapat sambutan menggalakkan.

Melalui ekspo yang juga pertama kali diadakan di kawasan itu, kira-kira 80 ruang pameran dan gerai jualan disediakan.

Setiausaha Agung Papita, Nasharuddin Elias, berkata kadar sewa yang berpatutan selain variasi pelbagai barangan keluaran tempatan yang lebih rendah berbanding harga biasa adalah tarikan utama pengunjung ke tempat itu.

"Penganjur menyediakan tiga jenis ruang pameran dan gerai jualan. Kadar sewanya sekitar RM3,000 hingga RM10,000 dan semuanya habis ditempah."

"Kebanyakan peserta ekspo ini adalah dari kalangan usahawan Bumiputera dan syarikat pengeluar kereta, Usaha sama Proton-DRB (USPD)," kata Nasharuddin.

"Selain itu, penyertaan artis popular seperti Khatijah Ibrahim, Sofia Ibrahim dan Latiff Ibrahim yang turut sama berniaga di gerai ekspo ini menjadi tarikan dan mendekatkan mereka dengan peminat."

"Begitu juga Juliza Adlizan dengan jualan pelbagai produk kraftangan di gerai miliknya," katanya kepada Pusparia.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan Ekspo Papita/MPSJ '98, pada jam 3 petang esok.

Objektif penganjuran ekspo itu tidak sekadar menggalakkan keutamaan, malah sebagai usaha membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi.

Nasharuddin yang juga pengerusi promosi ekspo, turut berharap komitmen dan sokongan artis untuk menjayakan ekspo yang diadakan selama tiga minggu.

"Saya jemput semua artis, tak kira penggiat muzik atau filem untuk mengunjungi ekspo ini," katanya.

Dia berkata, tidak ada sebarang bayaran masuk dikenakan kepada pengunjung Ekspo Papita dan MPSJ '98 dari jam 2 petang hingga 7 malam.

"Tetapi di sebelah malam, pengunjung perlu membayar RM5. Sebabnya, kami mengadakan konsert setiap malam yang melibatkan lebih 40 artis popular kita."

"Persembahan bermula jam 9 malam. Antara artis terbabit adalah Raihan, A To Z, Noraniza Idris, Siti Nurhaliza, Blues Gang, Innuendo, Imuda, Roy, Leina Hangat, Blues Gang dan Den," katanya.

(END)